



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN
PERKARA 15A PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN
PENDAFTARAN KEWARGANEGARAAN DALAM KEADAAN KHAS**

1. ISI DAN LENGKAPKAN BORANG B

- ☐ a) 3 keping gambar terbaru berukuran pasport berlatar belakang warna biru orang yang didaftarkan (subjek)
- ☐ b) Bayaran pendaftaran permohonan RM10.00

**2. DOKUMEN ORANG YANG DIDAFTARKAN (MANDATORI)
(ASAL & SALINAN)**

- ☐ a) Kad Pengenalan (jika ada)
- ☐ b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru / Sijil Anak Angkat
- ☐ c) Permit Masuk / pasport / dokumen perjalanan (setiap muka surat dokumen)
- ☐ d) Dokumen bukti persekolahan (jika bersekolah) atau Surat Aduan Tidak Bersekolah (jika tidak bersekolah)
- ☐ e) Laporan hospital / Buku Rekod Kesihatan
- ☐ f) Pengesahan mastautin subjek (dari Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Tuai Rumah)
- ☐ g) Nyatakan sebab mohon warganegara dalam keadaan khas di Ruang F dalam borang permohonan

**3. DOKUMEN PEMOHON / IBU / BAPA / PENJAGA (MANDATORI)
(ASAL & SALINAN)**

- ☐ a) Kad Pengenalan Pemohon / Ibu & Bapa
- ☐ b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru
- ☐ c) Sijil Warganegara (jika berkaitan)
- ☐ d) Permit Masuk atau pasport / dokumen perjalanan lain (setiap muka surat dokumen)
- ☐ e) Dokumen Perkahwinan
- ☐ f) Perintah mahkamah mengenai hak penjagaan
- ☐ g) Surat tawaran anak pelihara dari JKM / surat aduan dari JPN / Borang 13 / Surat pengesahan dari JKM / Laporan Polis kanak-kanak yang dijumpai / diterima dari individu (jika ada)
- ☐ h) Pengesahan Kedutaan / Negara asal ibu mengenai kegagalan subjek memperolehi kewarganegaraan mengikut ibu

ATAU

- ☐ i) Bukti pencarian ibu kandung (contoh: siaran iklan / pengesahan dari Kedutaan / Laporan Polis)
- ☐ j) Perintah kesahtarafan oleh Mahkamah yang kompeten di Malaysia (jika berkaitan)

**4. DOKUMEN ADIK BERADIK (MANDATORI)
(ASAL & SALINAN)**

- ☐ a) Kad Pengenalan
- ☐ b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru
- ☐ c) Sijil Warganegara (jika berkaitan)
- ☐ d) Permit Masuk / pasport / lain-lain dokumen perjalanan (jika berkaitan)

PERINGATAN:

1. Pemohon dan subjek perlu hadir di hadapan Pegawai Konsul atau Pendaftar Warganegara semasa pendaftaran permohonan dan berpakaian kemas.
2. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
3. Jika kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara, sediakan terjemahan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris oleh Mahkamah / Konsul / Penterjemah Awam.
4. Salinan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara perlu disahkan oleh pihak Perwakilan Malaysia di negara kelahiran kanak-kanak atau di Kedutaan negara kelahiran kanak-kanak di Malaysia dan disahkan semula oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) di Putrajaya, Kuching atau Kota Kinabalu.
5. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika orang yang hendak didaftarkan (subjek)/ibu/bapa/adik beradik pernah memiliki dokumen berkenaan.
6. JPN dan KDN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
7. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.